

Dr M ulangi nasihat MT

Oleh Kadir Dikoh

BH 25 FEB 2000

PUTRAJAYA, Khamis ~ Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan calon yang berhasrat bertanding pada pemilihan Umno Mei ini, patuh kepada nasihat Majlis Tertinggi (MT) supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

"Bagi saya, saya mengikut keputusan Majlis Tertinggi. Apa orang lain hendak buat, itu perkara lain, saya tiada komen," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) di sini, petang ini.

Dr Mahathir diminta mengulas desakan beberapa pihak supaya Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah mengumum-

tertutupnya dengan kira-kira 500 pegawai kanan kerajaan pada majlis perdana Perkhidmatan Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Bukit Kiara di sini, pagi ini.

Ditanya sama ada Sistem Saran Baru (SSB) yang menimbulkan banyak perdebatan di kalangan kakitangan awam turut dibincangkan pada majlis itu, Perdana Menteri berkata isu itu tidak dibincangkan.

"Tiada siapa bangkit mengenai SSB. Mereka cuma bertanya mengenai soal melanjutkan umur persaraan," katanya.

Sebelum ini, Cuepacs dan MTUC meminta kerajaan melanjutkan umur persaraan kakitangan awam daripada 55 tahun kepada 58 tahun.

kan sama ada hendak bertanding kerusi Presiden atau Timbalan Presiden Umno berikutan beberapa kenyataannya baru-baru ini, yang membayangkan beliau mahu bertanding jawatan tinggi dalam parti.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, tidak mahu mengulas perkara itu.

Tengku Razaleigh sebelum ini berkata beliau tidak berhasrat merebut dua jawatan tertinggi parti, tetapi kemudiannya mengeluarkan kenyataan supaya pemilihan perwakilan ke perhimpunan agung parti itu dibuat melalui undi sulit.

Pada sidang akhbar sama, Dr Mahathir berkata kerajaan sedia menimbang semula keputusannya untuk tidak melanjutkan umur persaraan kakitangan perkhidmatan awam daripada 55 tahun kepada 58 tahun.

Beliau bagaimanapun berkata, kesediaan kerajaan itu tidak bermakna kerajaan akan bersetuju melanjutkan umur persaraan.

"Saya sudah bincang dengan Cuepacs dan kita nak membawa perkara ini kepada perhatian kerajaan. Kita akan timbang, tetapi menimbang bermakna mungkin bersetuju, mungkin tidak," katanya.

Dr Mahathir berkata, isu itu turut dibangkitkan dalam dialog

Sementara itu, mesyuarat NITC ke-9 hari ini mendengar laporan mengenai penggunaan pengetahuan teknologi maklumat (IT) dalam pelbagai bidang seperti sosial dan industri.

Dr Mahathir berkata, Malaysia berjaya menangani peralihan daripada ekonomi berasaskan industri kepada ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi, sambil menyifatkan peralihan itu tidak begitu sukar seperti jangkaan pelbagai pihak.

"Kita masih dalam proses mempertingkatkan penggunaan maklumat dalam pengurusan pembangunan negara dari segi ekonomi, sosial, pendidikan dan lain-lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, penggunaan maklumat dapat mempertingkatkan prestasi.

Mengenai kenaikan harga saham syarikat IT di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sejak kebelakangan ini, beliau berkata ramai beranggapan syarikat IT, terutama yang meletakkan 'dot.Com' pada hujung nama syarikat, berpotensi untuk maju walaupun banyak yang mengalami kerugian sebelum ini.

"Syarikat-syarikat ini mempunyai masa depan yang cerah... contohnya amazon.com. Orang membeli saham ini untuk keuntungan modal. Dari segi ini, mereka tidak rugi," katanya.